

BELATUK BELACAN
Grey-capped Woodpecker

FAMILI: Picidae
NAMA SAINTIFIK: *Dendrocopos canicapillus*



CIRI-CIRI: Spesies ini mempunyai saiz badan yang kecil, bahagian atas kepala berwarna kelabu pudar manakala bahagian tepi kepala, belakang tengkuk dan atas paruh berwarna hitam. Bahagian atas badan berwarna hitam dengan jalur-jalur berwarna putih dan bahagian bawah badan terdapat jalur-jalur halus berwarna gelap. Terdapat jalur-jalur merah di bahagian belakang atas kepala dan tekak berwarna putih. Bagi burung betina, warna merah di bahagian atas kepala agak tidak ketara. Bagi burung juvenil pula, keseluruhan badan agak gelap dan jalur-jalur di bahagian bawah badan juga agak gelap.

SAIZ: Panjang keseluruhan bagi burung dewasa adalah 13.0 -15.5 sm. Berat 20-32g.

MAKANAN: Kumbang, semut, serangga kecil dan buah-buahan.

HABITAT: Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di hutan dipterokap, hutan tanah pamah, hutan sekunder dan kawasan semak pesisiran pantai. Spesies ini boleh dijumpai sehingga ketinggian 1,830 m dari aras laut.

BUNYI: Spesies ini mengeluarkan bunyi *tit-titierh-r-r-r-h*. Spesies ini juga mengeluarkan bunyi *kik* atau *pit* yang pendek dan juga *kweek-kweek-kweek*.

TABIAT: Kebiasaannya di lihat bergantung dengan badan terbalik sambil mencari makanan pada batang-batang atau ranting-ranting pokok.

PEMBIAKAN: Musim pembiakan bagi spesies ini adalah dari bulan Disember hingga April pada sepanjang tahun. Sarang adalah pada rongga-rongga pada pokok dan ketinggian sarang dari 5-10 m dari aras tanah. Burung betina boleh menghasilkan 3-5 biji telur dan telur adalah berwarna putih berkilat. Anggaran saiz telur adalah 18.6 x 14.4 mm.

STATUS: Akta 76/72, dilindungi.